

Kupon racun RM200 sehektar

um 21/6/08 ms 25

Oleh TOREK SULONG

Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan bebanan petani berikutan kenaikan harga bahan input itu apabila kadar kenaikan harga minyak di peringkat global berkuat kuasa

MARIAM MAS YAACOB
Timbalan Ketua Pengarah LPP (Bahagian Pembangunan)

nah berlaku terhadap sebuah kilang PPK yang berharga RM7 juta tetapi tidak dapat berfungsi dengan baik kerana petani tidak mahu menjual padi mereka disebabkan tawaran istimewa daripada pihak kilang swasta," katanya.

Mariam Mas berkata, LPP juga memperuntukkan RM89 juta untuk memperluaskan skim pemilikan pelbagai jentera di kalangan petani sepanjang tahun ini.

Menurutnya, peruntukan seumpama ini juga adalah aspirasi kerajaan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan mengurangkan kos pengeluaran input sebagaimana yang dihadapi sekarang.

"Bagi tempoh dua bulan lalu sebanyak RM30 juta sudah diluluskan kepada petani yang memohon keperluan jentera," katanya.

Beliau berkata, negeri Kelantan mendapat peruntukan yang terbesar memandangkan negeri ini banyak bergantung kepada jentera membajak dan menuai dari Kedah setiap musim penanaman padi.

PASIR PUTEH 20 Jun - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memperuntukkan kupon bantuan racun perosak bernilai RM200 bagi setiap hektar, untuk diagihkan kepada setiap petani yang menganggotai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah LPP (Bahagian Pembangunan), Mariam Mas Yaacob berkata, kupon bantuan itu dikhususkan kepada projek penanaman padi yang boleh diperolehi di pejabat PPK bermula September ini.

Bagaimanapun, katanya, petani tidak boleh menukar kupon itu di kedai-kedai selain di kedai PPK di kawasan masing-masing.

"Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan bebanan petani berikutan kenaikan harga bahan input itu apabila kadar kenaikan harga minyak di peringkat global berkuat kuasa," katanya ketika berucap

merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPK Bukit Awang dekat sini, semalam.

Mariam Mas berkata, pemberian itu diharapkan tidak disalahgunakan petani sebagaimana yang pernah berlaku terhadap pemberian baja subsidi.

Malah ujarinya, terdapat sesetengah petani lebih suka menyimpan di bawah rumah daripada menggunakannya bagi tujuan penyuburan pokok.

Beliau berkata, sikap sedemikian bukan sahaja membazirkan wang kerajaan tetapi juga merugikan diri sendiri kerana hasil yang akan diperolehi tidak akan mencapai

sasaran yang sebenarnya.

Selain itu, katanya, setiap PPK perlu turut terlibat di semua rangkaian padi termasuk memiliki kilang memproses padi sendiri bagi kepentingan petani di kawasan masing-masing bagi mengatasi hasil tanaman yang diusahakan dimonopoli oleh pihak lain.

Katanya, LPP sedia membantu mana-mana PPK yang ingin menceburi bidang berkenaan terutama menimbang peruntukan yang diperlukan dengan syarat mendapat kerjasama daripada petani di kawasan terbabit.

"Kita tidak mahu sebagaimana yang per-